

inspirasi gaya hidup anda



ALMAZ • ARCHITECT

33-1 Plaza Crystalville 1
Jalan 22A/70A
Desa Sri Hartamas
50480 Kuala Lumpur
Tel: 603 6201 1158
Fax: 603 6201 2258 (Project)
603 6204 2328 (Administration)
E-mail: almaz@pc.jaring.my

Siti Nurhaliza

Cintanya di Tangah Siapa?

Muda VS Tua
Rahsia Kamar Tidur!

Kisah Lelaki Disihir Cinta

30 SEBAB Lelaki Gagal Pikit Isteri

“InTrend KINI SETAHUN!”

SERTAI KAJI SELIDIK PEMBACA
100 PEK InTrend menanti anda!

LEM. M'SIA RM7.50
SABAH & SIWAK RM9

ISSN 1823-433X

Barcode

9 771823 433009

INGIN MENJADI PERAGAWATI?
Peluang KEEMASAN untuk anda!
Maklumat lanjut di halaman 170



Kecintaan Seni Bina Tradisional

Kecintaan Almaz Rahim kepada rumah tradisional diterapkan menerusi setiap rekaan seni binanya. Inspirasi rumah kampung ketika menziarahi keluarga suami diterapkan pula ke kediamannya kini.


Teks & Penyelaras MARINI MAT ZAIN Fotografi MAZLAN YUNOS





Indah-seni bina kediaman ini menyordahkan lagi personaliti pemilik, seorang arkitek tersohor di ibu kota. Pemilik Almaz Architect, Almaz Rahim, telah menetap di sini sejak 21 tahun lalu. Ketika kali berlabuh ke kediaman ini, taman indah menyegukkan perasaan. Kehijauannya memukau pandangan mata.



Keindahan taman dibiarkan bersatu dengan ruang tamu. Menurut Almaz Rahim, sengaja dibina bukaan pintu luas agar angin segar dapat berlabuh ketika dia sekeluarga berhat-rehat di ruang tamu. Tiada penyaman udara, tetapi segar dengan udara semula jadi. Gandingan dua sofa biru turquoise, warna kegemaran Almaz Rahim menyenangkan ruang. Dinding batu batu pada satu dinding hadir sebagai titik tumpu.





"Saya juga gemar hasil seni lukisan. Hampir keseluruhan dinding dihiasi lukisan-lukisan indah. Termasuklah lukisan motif orkid anak ketiga saya, Suraya. Sebaik sahaja tinggal di sini saya mula mengubah suasana kediaman tetapi secara berperingkat. Di sinilah tempat anak-anak membesar jadi saya akan mengekalkannya begini saja," ujar Almaz Rahim.


Elemen rumah Melayu terserlah pada pemilihan material kayu di struktur siling. Tingkap kediaman ini juga bermotif kampung. Kamar diubahsuai mengikut kesesuaian. Tiga anak gadisnya berkongsi kamar ruang luas. Satu-satunya anak bujang disediakan sebuah kamar dengan ruang sederhana. Kebebasan diberikan kepada anak-anak untuk memilih warna kesukaan bagi melatai kamar masing-masing.



"Paling saya suka adalah panel kaca pada pintu kamar belajar. Tiga daripadanya panel kaca lama dengan ukiran menawan. Sukar sekali menjumpainya kini. Estetik hadir daripada struktur rumah seperti siling. Sebagai arkitek, cara saya mencipta seni bina daripada struktur asal nampaknya berhasil. Saya mencipta struktur daripada elemen pembinaan di dalam sebuah kediaman ringkas. Suat masa ini, saya rasa kediaman ini cukup sempurna untuk kami sekeluarga."

Terbaru, Almaz Rahim baru sahaja menambah panel batu berukiran dinding luar rumah. Warna latar kediamannya juga baru ditukar. Suasana kediaman begitu menyenangkan terutama apabila ruang tamu dilimpahi cahaya semula jadi dari luar. Bunyi air pancuruan dari kolam juga mendamaikan.





Pemilik Almaz Architect,
Almaz Rahim dan suami



Ruangan ini dibawa khas oleh

Sudut Kegemaranku

Suasana ruang dan kamar bertukar wajah dengan limpahan warna berbeza. Perkara biasa bagi kediaman memiliki pelbagai jenis material untuk dijadikan tataran kediaman lebih cantik termasuklah penggunaan permukaan batubata atau kayu. Warna pilihan pula perlu serentak dengan cara kehidupan kita. Sesuai juga dengan peringkat usia.

Almaz Rahim paling selesa diam di kamar pejabat yang berkongsikan lantai dengan kamar tidurnya. Ruang itu dilengkapi meja tulis, almari dan sofa dua tempat duduk. Lantai kayu menjadi pilihan agar bersepadan dengan konsep rumah tradisional. Material kayu juga dapat dilihat pada panel siling dan tingkap kediaman.

"Lantai ruang ini dijadikan bumbung sudut santai tepi kolam di tingkat bawah. Saya mengekalkan binaan asal lantai kerana mutu kayunya berkualiti. Kebanyakan kayu digunakan dari Cengal. Kediaman tidak perlu besar kerana yang lebih penting adalah keselesaan mendiaminya," ujar Almaz Rahim.

Setiap kamar mempunyai tingkap kayu berinspirasi rumah Melayu tradisional. Bukaan besar tingkap memberarkan cahaya dan udara semula jadi menembus ke seluruh ruang. Simbahannya cahayanya menyegarkan lagi warna latar pada dinding kediaman. Ia memperindah lagi warna pilihan Almaz Rahim.

"Saya menyerahkan pemilihan warna kamar kepada anak-anak. Anak gadis saya tentunya memilih merah jambu. Manakala anak tunggal lelaki saya merias kamarnya dengan simbahannya oren. Saya juga baru mengelat luar rumah dan sebahagiannya menggunakan cat ICI Dulux SolarScreen."

Menurut Almaz Rahim dia gernar diam di kamar pejabat dan melakukan lakaran di pelan. Tidak pun dia akan bersantai sahaja di beranda rumah di tepian kolam menikmati taman indah. Kalau dahulu kediaman ini kosong sahaja, kini dipenuhi dengan tanaman-tanaman seperti pokok mengkuang, buah dan pisang merah. Suasana pastinya lebih redup dan mendamaikan.

